



MANGSA banjir di Balai Raya PPRT Batu 2, Tebuk Pulau.

95 pindah

■ Dua kawasan dinaiki air hingga 0.3 meter

Oleh Mohd Shukor Amin
hmetroshahalam
@hmetro.com.my
Sabak Bernam

Seramai 95 mangsa banjir di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Batu 2 Tebuk Pulau dan Kampung Batu 2 Tebuk Pulau, dekat sini, dipindahkan ke pusat pemindahan di Balai Raya PPRT kampung itu, sejak Selasa lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKKP) Kampung Batu 2 Tebuk Pulau, Mohd Zaki Basar berkata, mangsa terpaksa dipindahkan selepas kediaman mereka dinaiki air sedalam 0.2 hingga 0.3 meter.

“Semua mangsa terpaksa dipindahkan selepas beberapa penempatan dinaiki air dipercayai akibat sistem perparitan di kawasan terbabit tidak diselenggara dengan sempurna.

“Keadaan bertambah teruk apabila berlakunya air pasang menyebabkan air



MANGSA banjir mendaftar di Balai Raya PPRT Batu 2, Tebuk Pulau.

“Keadaan bertambah teruk apabila air pasang menyebabkan air naik dengan cepat”

Mohd Zaki Basar

naik dengan cepat terutama di kawasan rendah,” katanya ketika ditemui pada majlis penyampaian bantuan kepada mangsa banjir oleh beberapa agensi kerajaan negeri, kelmarin.

Sumbangan disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan

Hal Ehwal Wanita dan Keluarga, Dr Daroyah Alwi.

Hadir sama, Pegawai Daerah Sabak Bernam, Samudin Mon dan Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Sabak Bernam, Herman Tawil.

Sementara itu, Herman berkata, hujan lebat dan lokasi tanah rendah menjadi punca utama banjir kilat di kampung itu, selain pertembungan air pasang besar.

“Bagaimanapun, usaha sudah dijalankan secara drastik oleh JPS, termasuk mengarahkan lima jentera pengorek memastikan aliran air parit yang bermasalah diperbaiki,” katanya.